

**PERATURAN PERTANDINGAN
TARIK TALI
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Tarik Tali Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang- Undang dan Peraturan Persatuan Tarik Tali Malaysia / "Tug Of War International Federation" dan Peraturan Permainan dan Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara 5.0 Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Perkara 7.0 dalam peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh jawatankuasa teknikal dan pertandingan melalui sistem yang telah disediakan.
- 5.2 Setiap kontijen dibenarkan mendaftar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada 10 orang pemain (8 penarik + 2 simpanan) dengan jumlah berat maksima bagi 8 orang sebanyak 680kg.

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	10 orang
JUMLAH		12 orang

- 5.3 Hanya seorang Jurulatih (Chief Leader) dari setiap pasukan sahaja dibenarkan berada dalam gelanggang semasa pertandingan dijalankan. Ini bertujuan memudahkan jurulatih memberi arahan kepada ahli pasukan dan menerima arahan daripada pengadil pertandingan.

6.0 ACARA PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara berpasukan dan liga Pusingan Awal.

7.0 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 7.1 Sila rujuk Perkara 10.0 dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 7.2 Setiap pasukan diwajibkan memakai kasut semasa pertandingan dijalankan.
- 7.3 Jersi pasukan hendaklah seragam.
- 7.4 Penggunaan Tali Pinggang dan Jaket Tarik Tali (Anchor Pad) adalah dibenarkan.

8.0 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 8.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 12 orang pemain termasuk seorang pengurus pasukan dan seorang jurulatih (10+2).
- 8.2 Hanya 8 orang sahaja dibenarkan mengambil bahagian semasa pertandingan dijalankan, 2 peserta akan menjadi simpanan.
- 8.3 Mereka yang boleh mengambil bahagian ialah pegawai/kakitangan (lelaki sahaja).
- 8.4 Hanya pemain yang telah didaftarkan sahaja dibenarkan mengambil bahagian.
- 8.5 Jawatankuasa pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pasukan-pasukan yang mengambil sepanjang kejohanan ini diadakan.

9.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 9.1 Merujuk kepada peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia perkara 9.0;
 - 9.1.1 Mata kemenangan adalah seperti berikut: -

Menang 2-0	=	3 mata
Menang 2-1	=	2 mata
Kalah 1-2	=	1 mata
Kalah 0-2	=	0 mata

- 9.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira menang.
- 9.3 Jika terdapat lebih daripada satu pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang memenangi perlawanan antara 2 pasukan tersebut dikira menang.
- 9.4 Jika masih seri pasukan yang mempunyai berat paling sedikit diantara 2 pasukan tersebut dikira menang.
- 9.5 Jika masih seri pasukan yang mempunyai jumlah kekalahan paling sedikit dalam kejohanan tersebut diantara 2 pasukan terlibat akan dikira sebagai pemenang.

- 9,6 Jika masih seri satu lambungan syiling akan dijalankan untuk menentukan pemenang.

10.0 JENIS TARIKAN

- 10.1 Tarikan akan digunakan (4 meter)
- 10.1.1 Sebelum tarikan diperlukan, cara menentukan tempat ialah dengan melambung syiling. Selepas tarikan pertama, pasukan akan bertukar tempat. Jika tarikan ketiga diperlukan, keadaan tempat pasukan juga akan ditentukan dengan melambung syiling.

11.0 PERTUKARAN PEMAIN SIMPANAN

- 11.1 Hanya satu penukaran dibenarkan dalam satu-satu perlawanan. Penukaran boleh dilakukan atas sebab-sebab kecederaan dan kelulusan pihak perubatan "medic" sahaja. Penukaran hanya boleh dilakukan apabila selesai tarikan pertama dan penarik yang menggantikan peserta yang cedera mestilah telah ditimbang serta berdaftar dalam boring pendaftaran pasukan.
- 11.2 Berat Badan Penarik yang masuk mestilah sama atau tidak lebih dari berat badan penarik yang akan keluar.
- 11.3 Sekiranya tiada peserta yang layak (berdasarkan rekod berat badan) pasukan tersebut terpaksa menarik dengan bilangan 7 orang peserta sahaja.

12.0 JENIS KESALAHAN

- 12.1 Duduk- Dengan sengaja duduk diatas tanah atau gagal untuk kembali semula ke kedudukan menarik selepas jatuh.
- 12.2 Menyandar- Menyentuh tanah dengan sebahagian badannya kecuali Kaki.
- 12.3 Mengunci- Sebarang pergerakan yang boleh menghalang pergerakan/ kebebasan tali.
- 12.4 Pegangan - Sebarang pegangan kecuali pegangan yang dibenarkan.
- 12.5 Menahan - Memegang tali dengan keadaan di mana tali melalui antara badan dan bahagian atas tangan.
- 12.6 Posisi - Duduk/mencangkung adalah tidak dibenarkan.
- 12.7 Memanjat - Menarik tali secara berganti-ganti tanpa menggerakan kedudukan kaki dari tempat asal.
- 12.8 Mendayung - Duduk di atas tanah beberapa kali dan kaki pula digerakkan ke belakang.
- 12.9 Memacak - Memacak tumit atau menahan kaki di atas tanah sebelum arahan "Angkat Tali".

13.0 PEMENANG

- 13.1 Pemenang bagi setiap perlawanan akan ditentukan dari 3 tarikan yang terbaik.
- 13.2 Jika seri selepas 2 tarikan, pasukan dibenarkan berehat selama 5 minit sebelum tarikan ketiga dimulakan.

14.0 TIMBANG BADAN

- 14.1 Setiap peserta diwajibkan menjalani timbangan berat badan. Berat badan bagi keseluruhan peserta (8 orang) tidak melebihi 680kg;
- 14.2 Timbangan akan dibuat sehari sebelum pertandingan berlangsung.

15.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 15.1 Jawatankuasa pertandingan berhak mengubah atau menangguhkan sesuatu perlawanan yang telah ditetapkan jika perlu dan setiap pasukan terlibat akan dimaklumkan oleh urusetia teknikal.
- 15.2 Setiap pasukan yang bermain dikehendaki berada digelanggang 15 minit sebelum masa perlawanan bermula dan sekiranya pasukan berkenaan lewat sampai 15 minit dari masa perlawanan, maka pengadil rasmi perlawanan berhak memberi kemenangan percuma kepada pihak lawannya.

16.0 PENGADIL

- 16.1 Pengadil bertauliah adalah dari Persatuan Tarik Tali Malaysia (MTWA) atau Pengadil yang diiktiraf oleh Persatuan Pengadil Tarik Tali Malaysia.
- 16.2 Segala keputusan pengadil perlawanan adalah muktamad.

17.0 MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

- 17.1 Perkara 12.0 dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.

18.0 BANTAHAN

- 18.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 17.0 dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

19.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 19.1 Perkara 23.0 dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.